

Journal of Islamic Educational Research (JIER)  
e-ISSN: 0128-2069

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Secara  
Dalam Talian

Factors That Influenced Online Learning of Arabic Language

Siti Norhidayah Binti Mahd Nayai\*, Mohamad Azrien Bin Mohamed Adnan\*\*, & Nor Hazrul Bin Mohd Salleh\*\*\*

Article Information

Received:  
29.06.2023

Accepted:  
28.12.2023

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bahasa Arab secara maya. Faktor-faktor yang terlibat dalam kajian ini ialah faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar, faktor sokongan pentadbiran, faktor sokongan sosial dan faktor kandungan mata pelajaran. Semua faktor tersebut dipilih setelah dianalisis menggunakan analisis faktor. Responden kajian ini terdiri daripada 65 orang guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di seluruh negeri Kelantan. Instrumen kajian yang digunakan adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi 18 item soalan dan menggunakan skala Likert. Dapatan kajian dianalisis terlebih dahulu menggunakan analisis faktor untuk melihat faktor-faktor yang terbentuk dan seterusnya dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang terdiri daripada min dan sisihan piawai. Hasil analisis faktor terhadap 18 item soalan menunjukkan 4 faktor yang terbentuk iaitu faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar, faktor sokongan pentadbiran, faktor sokongan sosial dan faktor kandungan mata pelajaran. Hasil analisis deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai menunjukkan faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bahasa Arab secara maya diikuti oleh faktor sokongan sosial, faktor sokongan pentadbiran dan faktor terakhir yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan adalah faktor kandungan mata pelajaran.

**Kata Kunci:** analisis faktor, pembelajaran dalam talian, bahasa Arab.

This study aims to identify the factors influencing the effectiveness of online Arabic language learning. The factors involved in this study are technical support, teaching style and student readiness, administrative support, social support, and subject content. These factors were selected after being analysed using factor analysis. The respondents of this study consist of 65 Arabic language teachers from national secondary schools across the state of Kelantan. The research instrument used is a set of questionnaires containing 18 items, utilizing a Likert scale. The study's findings were first analysed using factor analysis to identify the formed factors and subsequently analysed using descriptive statistics, comprising mean and standard deviation. The results of the factor analysis on the 18 questionnaire items revealed four factors: technical support, teaching style and student readiness, administrative support, social support, and subject content. The descriptive analysis results, using mean and standard deviation, indicated that technical support, teaching style, and student readiness are the primary factors influencing the effectiveness of online Arabic language learning. This is followed by social support, administrative support, and the last factor affecting the effectiveness of teaching and learning is the subject content.

**Keywords:** factor analysis, online learning, Arabic language.

**Citation Information:** Mahd Nayai, S. N., Mohamed Adnan, M. A., & Mohd Salleh, N. H. (2023). Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian. *Journal of Islamic Educational Research*, 9, 48-57.

PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan secara dalam talian menggunakan sokongan internet dan ianya boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja kawasan yang mendapat liputan Internet. Perkembangan pembelajaran dalam talian di sekolah di Malaysia bermula apabila KPM

\* PhD Candidate, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: [hidayahnayai@gmail.com](mailto:hidayahnayai@gmail.com).

\*\* Language Teacher at Islamic Education Programme, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: [mdazrien@um.edu.my](mailto:mdazrien@um.edu.my). ORCID: 0000-0002-3578-3581.

\*\*\* Language Teacher at Universiti Malaya Education Centre Bachok, Kelantan, Malaysia. Email: [hazrul@um.edu.my](mailto:hazrul@um.edu.my). ORCID: 0000-0002-3027-9175.

memperkenalkan Sekolah Bestari bermula dengan 88 sekolah. Ia kemudian diperluaskan kepada semua sekolah melalui Pembestarian Sekolah, seterusnya memperkenalkan penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog dan kemudiannya diperkenalkan penyegaran semula platform pembelajaran digital untuk guru, pendidik dan pelajar iaitu DELIMa, atau '*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*', susulan usaha sama beberapa tahun KPM bersama dengan *Google*, *Microsoft* dan *Apple*. Pelantar ini menawarkan kesemua aplikasi dan servis digital yang diperlukan oleh guru dan pelajar dalam sistem persekolahan Malaysia, termasuk teknologi dan sumber bagi membolehkan pendidikan secara digital seperti *Google Classroom*, *Microsoft O365* dan *Apple Teacher Learning Center* (Microsoft Malaysia, 2020). Kebanyakan guru menjadikan pelantar pembelajaran dalam talian sebagai repositori untuk murid mendapatkan bahan pembelajaran dalam bentuk *power point* dan nota dalam format PDF. Namun demikian, pelaksanaan pemantauan penggunaan di setiap sekolah yang dijalankan oleh KPM telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan pembelajaran dalam talian ini (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Pembelajaran secara maya semakin meluas dan giat digunakan setelah kemunculan pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan hampir seluruh dunia melakukan sekatan pergerakan (*lockdown*) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia bagi menghapuskan rantaian wabak tersebut. PKP telah menyebabkan penutupan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di kebanyakan negara termasuklah Malaysia.

## PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran secara dalam talian termasuklah bagi mata pelajaran bahasa Arab dianggap sebagai perkara baru walaupun sebenarnya telah lama diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Medium ini digunakan secara meluas setelah pelaksanaan Perintah kawalan Pergerakan(PKP) bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Isu yang berlaku dalam pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Arab adalah bila mana pembelajaran Bahasa Arab dijalankan secara maya dilihat kurang berkesan. Menurut Izzat Akram Ibrahim (2020), pengadaptasian pendidikan maya di Malaysia sewaktu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah tidak begitu memuaskan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian dan belajar dari rumah kurang berkesan berbanding secara bersemuka (Muhaamad Hafis Nawawi, 2020). Anuar Ahmad juga berpendapat sedemikian yang mana pembelajaran secara maya telah menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pemudahcaraan (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Menurut Sunil Kumar (2015), pembelajaran secara maya dari sudut fleksibiliti masa dan tempat dapat menarik minat murid, tetapi kebanyakan mereka menghadapi cabaran yang serius yang menghalang mereka untuk menyelesaikan pembelajaran mereka dengan jaya. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pelbagai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh murid yang menghalang mereka dari mengikuti pembelajaran secara maya dengan jayanya. Memandangkan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian dianggap masih baru digunakan secara meluas sejak pelaksanaan perintah kawalan pergerakan bagi mengelak penularan wabak Covid 19 dan dilihat berhadapan dengan pelbagai cabaran, kajian ini dijalankan bagi melihat faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian kerana pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bukan hanya digunakan di waktu kecemasan sahaja, tetapi ianya menjadi sasaran Kementerian Pendidikan Malaysia yang meletakkan pembelajaran dalam talian dalam sistem pendidikan negara setanding dengan negara maju.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk soal selidik yang ditadbirkan kepada sampel kajian. Pengkaji memilih kaedah ini kerana kaedah kuantitatif sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pandangan, personaliti, tingkah laku atau sikap orang awam secara meluas dari satu kelompok yang besar. Ia digunakan untuk mendapatkan satu penjelasan yang tepat terhadap ciri yang terdapat pada individu dalam kumpulan.

## KAJIAN RINTIS

Kajian rintis dijalankan menggunakan soal selidik yang dibina setelah disemak dan mendapat pengesahan pakar dan penambahbaikan telah dibuat. Menurut Opie Mohamad (2015), kajian rintis amat penting dilakukan supaya instrumen yang dibangunkan mampu untuk mengukur perkara yang sepatutnya. Dalam kajian ini, 35 orang guru yang mengajar bahasa Arab di Sekolah menengah Kebangsaan dari pelbagai negeri selain dari negeri Kelantan telah menjawab soal selidik dalam bentuk *Google Form* melalui pautan yang diberikan kepada mereka. Data kajian rintis dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* untuk menguji kebolehpercayaan item soal selidik. Kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika pengukuran pada kali yang kedua (dan kali ketiga atau pada kali yang seterusnya) dilakukan, nilai yang diperoleh adalah serupa, maka kajian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua Yan Piaw, 2006). Menurut Sekaran (1992) pula, nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima, nilai Alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai Alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Dalam kajian ini, kebolehpercayaan item bagi konstruk penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya telah diuji dan memperoleh nilai 0.9. Ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan pada instrumen kajian ini berada pada tahap baik.

## ANALISIS KAJIAN


Analisis yang dilakukan dalam kajian ini adalah analisis data demografi responden, analisis faktor dan analisis deskriptif.

### Analisis Data Demografi Responden

Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan harian dan sekolah menengah kebangsaan agama di negeri Kelantan. Seramai 65 orang responden terlibat dalam kajian ini yang mewakili 10 daerah di negeri Kelantan iaitu daerah Kota Bharu, Machang, Kuala Krai, Gua Musang, Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh. Daripada jumlah tersebut, 51 orang (78.5%) merupakan responden perempuan manakala selebihnya iaitu 14 orang (21.5%) adalah lelaki. Dari segi umur pula, 52.3% berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun, 44.6% berumur dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun dan selebihnya sebanyak 3.1% berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun. Seramai 20 orang guru iaitu sebanyak 30.8% dalam kajian ini merupakan guru yang mengajar di sekolah bandar manakala baki selebihnya iaitu seramai 45 orang mewakili 69.2% terdiri daripada guru yang mengajar di sekolah luar bandar. Jika dilihat dari segi pengalaman mengajar pula, majoriti guru berpengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Arab melebihi 15 tahun iaitu sebanyak 49.2% (32 orang), sebanyak 18.5% (12 orang) berpengalaman mengajar bahasa Arab dalam tempoh 11 hingga 15 tahun, 13.8% (9 orang) berpengalaman mengajar bahasa Arab selama 6 hingga 10 tahun dan jumlah peratusan yang mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab kurang dari 5 tahun sebanyak 18.5% (12 orang). Taburan ini menunjukkan majoriti guru yang mengajar bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di Kelantan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab melebihi 10 tahun. Seramai 32 orang guru (49.2%) telah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab melebihi 6 kali, 14 orang guru (21.5%) telah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 1 hingga 2 kali, 8 orang (12.3%) belum pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sepanjang perkhidmatan mereka, 7 orang (10.8%) pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 5 hingga 6 kali dan 4 orang (6.2%) pernah menghadiri kursus mengajar bahasa Arab sebanyak 3 hingga 4 kali sepanjang mereka bertugas. Dari segi bilangan kursus teknologi maklumat yang pernah dihadiri sepanjang bertugas pula seramai 24 orang (36.9%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak satu hingga 2 kali sahaja, 12 orang (18.5%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak 3 hingga 4 kali, 11 orang (16.9%) telah menghadiri kursus teknologi maklumat melebihi 6 kali sepanjang mereka bertugas, 10 orang (15.4%) pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sebanyak 5 hingga 6 kali dan seramai 8 orang mewakili 12.3% belum pernah menghadiri kursus teknologi maklumat sepanjang mereka bertugas. Ringkasan bagi profil responden adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan Profil Responden

Bil	Item	Kategori	Kekerapan	Peratusan
1	Jantina	Lelaki	14	21.5
		Wanita	51	78.5
2	Umur	20 – 30 tahun	0	0
		31 – 40 tahun	2	3.1
		41 – 50 tahun	34	52.3
		51 – 60 tahun	29	44.6
3	Jenis Sekolah	Bandar	20	30.8
		Luar Bandar	45	69.2
4	Pengalaman Mengajar Bahasa Arab	Kurang dari 5 tahun	12	18.5
		6 hingga 10 tahun	9	13.8
		11 hingga 15 tahun	12	18.5
		Lebih dari 15 tahun	32	49.2
5	Bilangan Kursus Bahasa Arab Yang Pernah Dihadiri Sepanjang Bertugas	Belum Pernah	8	12.3
		1 hingga 2 kali	14	21.5
		3 hingga 4 kali	4	6.2
		5 hingga 6 kali	7	10.8
		Lebih dari 6 kali	32	49.2
6	Bilangan Kursus Bahasa Arab Yang Pernah Dihadiri Sepanjang Bertugas	Belum Pernah	8	12.3
		1 hingga 2 kali	24	36.9
		3 hingga 4 kali	12	18.5
		5 hingga 6 kali	10	15.4
		Lebih dari 6 kali	11	16.9



Rajah 1: Bilangan Responden Mengikut Kelompok (Daerah/PPD)

## Analisis Faktor

Analisis faktor dilakukan terhadap 18 item yang mewakili enam elemen yang diuji dalam ujian ini. Bagi dapatan analisis yang pertama, hasil ujian KMO & Bartlett's diperhatikan untuk mengetahui kelayakan sesuatu item sama ada dapat dilanjutkan untuk dianalisis menggunakan analisis faktor. Berdasarkan hasil analisis, nilai KMO  $0.821 > 0.5$  dan nilai sig. ( $0.000 < 0.05$ ) menunjukkan analisis faktor dapat dilanjutkan.

Bagi dapatan kedua, *Anti Image Matrices* digunakan untuk mengetahui dan menentukan item mana yang layak untuk dianalisis menggunakan analisis faktor. Hasil analisis menunjukkan semua item memiliki nilai MSA  $> 0.5$  menunjukkan bahawa semua item layak untuk dilakukan analisis faktor.

Dapatan ketiga iaitu Communalities untuk melihat nilai item yang diteliti sama ada mampu menjelaskan faktor atau tidak. Dapatan analisis menunjukkan semua item memiliki nilai extraction  $> 0.5$ , maka semua item dapat digunakan untuk menjelaskan faktor.

Seterusnya dapatan *Total Variance Explained* untuk melihat analisis *Initial Eigenvalues* dan *Extraction Sums of Square Loading*. Initial Eigen Values menunjukkan faktor yang terbentuk apabila nilai total dijumlahkan, maka akan menunjukkan jumlah item ( $9.195 + 2.56 + 1.963 + 1.272 + 0.819 + 0.482 + 0.360 + 0.257 + 0.216 + 0.209 + 0.139 + 0.130 + 0.102 + 0.089 + 0.084 + 0.070 + 0.041 + 0.014 = 18$ ). Pada bahagian Extraction Sums Of Squared Loading menunjukkan jumlah faktor yang terbentuk (nilai Initial Eigenvalues  $> 1$ ). Hasil analisis menunjukkan terdapat empat faktor yang terbentuk. Selain itu, Screen Plot juga diteliti untuk melihat jumlah faktor yang terbentuk. Sebagaimana yang telah disebutkan, dapatan menunjukkan terdapat empat faktor yang terbentuk.

Dapatan seterusnya *Component Matrix* yang menunjukkan nilai korelasi item dengan faktor yang terbentuk. Nilai korelasi item 1 dengan faktor 1 adalah 0.490, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.631, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.320 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.129. Nilai korelasi item 2 dengan faktor 1 adalah 0.438, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.595, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.545 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.234. Nilai korelasi item 3 dengan faktor 1 adalah 0.540, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.639, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.402 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.192. Nilai korelasi item 4 dengan faktor 1 adalah 0.733, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.372, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.195 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.195. Nilai korelasi item 5 dengan faktor 1 adalah 0.781, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.344, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.129 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.222. Nilai korelasi item 6 dengan faktor 1 adalah 0.760, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.406, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.142 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.202. Nilai korelasi item 7 dengan faktor 1 adalah 0.685, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.150, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.570 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.307. Nilai korelasi item 8 dengan faktor 1 adalah 0.718, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.081, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.609 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.286.

Nilai korelasi item 9 dengan faktor 1 adalah 0.702, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.051, korelasi dengan faktor 3 adalah -0.609 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.286.

Nilai korelasi item 10 dengan faktor 1 adalah 0.794, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.286, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.031 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.280. Nilai korelasi item 11 dengan faktor 1 adalah 0.823, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.269, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.024 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.372. Nilai korelasi item 12 dengan faktor 1 adalah 0.845, korelasi dengan faktor 2 adalah 0.266, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.077 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.216.

Nilai korelasi item 13 dengan faktor 1 adalah 0.812, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.175, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.215 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.171. Nilai korelasi item 14 dengan faktor 1 adalah 0.802, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.107, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.159 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.171. Nilai korelasi item 15 dengan faktor 1 adalah 0.851, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.212, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.129 dan korelasi dengan faktor 4 adalah -0.154.

Nilai korelasi item 16 dengan faktor 1 adalah 0.563, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.391, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.343 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.427. Nilai korelasi item 17 dengan faktor 1 adalah 0.627, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.494, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.217 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.410. Nilai korelasi item 18 dengan faktor 1 adalah 0.715, korelasi dengan faktor 2 adalah -0.488, korelasi dengan faktor 3 adalah 0.175 dan korelasi dengan faktor 4 adalah 0.296.

Dapatan seterusnya *Rotated Component Matrix* untuk melihat sesuatu item itu berada pada kelompok faktor yang mana. Faktor 1 terbentuk daripada item 4, item 5, item 6, item 10, item 11, item 12, item 13, item 14 dan item 15. Faktor 2 terbentuk dari item 7, item 8 dan item 9. Faktor 3 terbentuk daripada item 1, item 2 dan item 3 manakala faktor 4 terbentuk dari item 16, item 17 dan item 18.

Dapatan seterusnya *Component Transformation Matrix* yang menunjukkan nilai korelasi bagi setiap faktor. Faktor 1 nilai korelasinya  $0.705 > 0.4$ , faktor 2 nilai korelasinya  $0.766 > 0.4$ , faktor 3 nilai korelasinya  $0.497 > 0.4$  dan faktor 4 nilai korelasinya  $0.640 > 0.4$ . Maka dapat disimpulkan bahawa keempat-empat faktor tersebut layak untuk merangkumi semua item yang dianalisis.

### **Analisis Deskriptif Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Secara Maya.**

Berdasarkan dapatan analisis faktor, terdapat empat faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya dalam kajian ini. Faktor-faktor tersebut merangkumi faktor pelajar, guru dan teknikal, faktor sokongan pentadbiran, faktor sokongan sosial dan faktor kandungan mata pelajaran yang diajar. Seterusnya analisis deskriptif dilakukan untuk melihat tahap keberkesanan setiap faktor tersebut dalam mempengaruhi pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Hasil analisis adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru Dan Kesianan Pelajar, Faktor Sokongan Sosial, Faktor Sokongan Pentadbiran Dan Faktor Kandungan Mata Pelajaran (N=65)

Bil	Faktor	Min	Sisihan Piawai
1	Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesianan Pelajar	4.2991	0.5408
2	Faktor Sokongan Sosial	4.2821	0.7150
3	Faktor Sokongan Pentadbiran	4.1897	0.5335
4	Faktor Kandungan Mata pelajaran	3.9846	0.7081

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya diikuti oleh faktor sokongan sosial, faktor sokongan pentadbiran dan faktor kandungan mata pelajaran.

#### *Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru dan Kesianan Pelajar*

Berdasarkan dapatan kajian bagi faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya, faktor sokongan teknikal, gaya guru dan kesediaan pelajar yang merangkumi capaian internet yang stabil,

kemudahan alat peranti, suasana yang kondusif untuk pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, penyesuaian gaya pengajaran guru dengan kaedah pembelajaran secara maya, penggunaan teknik pengajaran yang pelbagai dalam menyampaikan isi pengajaran bagi menarik minat pelajar, memastikan penglibatan semua pelajar dalam setiap pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan, kesedaran daripada pelajar tentang tujuan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, kesedaran tentang kepentingan belajar dan kesediaan untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri secara keseluruhannya mencatat nilai min pada tahap yang tinggi 4.2991 dan sisihan piawai 0.5408 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Semua item mencatat nilai min pada tahap yang tinggi. Item pertama “Capaian internet yang stabil dapat menjamin kelancaran PDPC secara maya” dan item ketiga “Suasana yang kondusif penting untuk memastikan PDPC bahasa Arab secara maya yang berkesan” mencatat nilai min yang sama 4.35 dan sisihan piawai masing-masing 0.759 dan 0.648. Item kedua “Alat peranti seperti telefon pintar atau komputer riba merupakan keperluan utama dalam melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya” mencatat nilai min paling tinggi 4.42 dan sisihan piawai 0.659.

Item keempat “Guru perlu menyesuaikan gaya pengajaran dengan kaedah pembelajaran secara maya” mencatat nilai min 4.29 dan sisihan piawai 0.605, item kelima “Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik untuk menarik minat pelajar” mencatat nilai min yang sama dengan item keempat iaitu 4.29 dan sisihan piawai 0.655 dan item keenam “Guru perlu melibatkan semua pelajar dalam setiap aktiviti yang dijalankan” mencatat nilai min 4.23 dan sisihan piawai 0.580.

Item ketujuh “Pelajar mesti tahu tujuan PDPC bahasa Arab dilaksanakan secara maya” mencatat nilai min 4.18 dan sisihan piawai 0.659, item kelapan “Pelajar perlu sedar kepentingan untuk belajar” mencatat nilai min 4.29 dan sisihan piawai 0.631 dan item kesembilan “Pelajar hendaklah bersedia untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri” mencatat nilai min 4.28 dan sisihan piawai 0.673.

Hal ini bermakna faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar memberi kesan positif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Responden percaya bahawa capaian internet yang stabil, kemudahan alat peranti, suasana yang kondusif untuk pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, penyesuaian gaya pengajaran guru dengan kaedah pembelajaran secara maya, penggunaan teknik pengajaran yang pelbagai dalam menyampaikan isi pengajaran bagi menarik minat pelajar, guru memastikan penglibatan semua pelajar dalam setiap pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan, kesedaran daripada pelajar tentang tujuan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya, kesedaran tentang kepentingan belajar dan kesediaan untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Jadual 3: Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Sokongan Teknikal, Gaya Pengajaran Guru Dan Kesediaan Pelajar (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Capaian internet yang stabil dapat menjamin kelancaran PDPC secara maya.	4.35	0.76
2	Alat peranti seperti telefon pintar atau komputer riba merupakan keperluan utama dalam melaksanakan PDPC bahasa Arab secara maya	4.42	0.66
3	Suasana yang kondusif penting untuk memastikan PDPC bahasa Arab secara maya yang berkesan.	4.35	0.65
4	Guru perlu menyesuaikan gaya pengajaran dengan kaedah pembelajaran secara maya.	4.29	0.605
5	Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik untuk menarik minat pelajar	4.29	0.655
6	Guru perlu melibatkan semua pelajar dalam setiap aktiviti yang dijalankan	4.28	0.580
7	Pelajar mesti tahu tujuan PDPC bahasa Arab dilaksanakan secara maya.	4.18	0.659
8	Pelajar perlu sedar kepentingan untuk belajar	4.29	0.631

9	Pelajar hendaklah bersedia untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri.	4.28	0.673
<b>Min Keseluruhan</b>		4.30	0.5408

### *Faktor Sokongan Sosial*

Faktor seterusnya yang dikaji adalah faktor sokongan sosial. Berdasarkan dapatan kajian, faktor sokongan sosial yang merangkumi sokongan ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah juga mencatat nilai min pada tahap yang tinggi 4.282 dan sisihan piawai 0.715 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4. Semua item turut mencatat nilai min pada tahap yang tinggi yang mana item pertama “Sokongan daripada ibubapa diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan” mencatat nilai min 4.35 dan sisihan piawai 0.738, item kedua “Sokongan daripada guru diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan” mencatat nilai min 4.25 dan sisihan piawai 0.73 dan item ketiga “Sokongan daripada pihak pentadbir sekolah diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan” mencatat nilai min 4.25 dan sisihan piawai 0.73. Hal ini bermakna faktor sokongan sosial memberi kesan positif terhadap keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Responden percaya bahawa sokongan daripada ibubapa, guru dan pihak pentadbir sekolah mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Jadual 4: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Sosial (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Sokongan daripada ibubapa diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan	4.35	0.738
2	Sokongan daripada guru diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan	4.25	0.730
3	Sokongan daripada pihak pentadbir sekolah diperlukan untuk memastikan PDPC bahasa Arab yang berkesan	4.25	0.730
<b>Min Keseluruhan</b>		4.30	0.715

### *Faktor Sokongan Pentadbiran*

Berdasarkan dapatan kajian bagi faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya, faktor sokongan pentadbiran iaitu sokongan dari pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari segi penyediaan platform pembelajaran secara maya yang sesuai, mendapatkan maklum balas daripada guru dari semasa dan mengambil tindakan terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru secara keseluruhannya mencatatkan nilai min pada tahap yang tinggi 4.1897 dan sisihan piawai 0.533 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Semua item mencatat nilai min pada tahap yang tinggi. Item pertama “Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyediakan platform yang sesuai untuk dilaksanakan PDPC secara maya” mencatat nilai min 4.23 dan sisihan piawai 0.553, item kedua “Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah sentiasa mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berkaitan pelaksanaan PDPC secara maya dari semasa ke semasa” mencatat nilai min 4.17 dan sisihan piawai 0.601 dan item ketiga “Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil tindakan dari semasa ke semasa terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru” mencatat nilai min 4.17 dan sisihan piawai 0.575. Hal ini bermakna faktor sokongan pentadbiran memberi kesan positif terhadap keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Responden percaya bahawa sokongan dari pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari segi penyediaan platform pembelajaran secara maya yang sesuai, mendapatkan maklum balas daripada guru dari semasa ke semasa dan mengambil tindakan terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru dapat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya.

Jadual 5: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Pentadbiran (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan piawai
1	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyediakan platform yang sesuai untuk dilaksanakan PDPC secara maya.	4.23	0.553
2	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah sentiasa mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berkaitan pelaksanaan PDPC secara maya dari semasa ke semasa.	4.17	0.601
3	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil tindakan dari semasa ke semasa terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru	4.17	0.575
<b>Min Keseluruhan</b>		4.20	0.533

#### *Faktor Kandungan Mata Pelajaran*

Seterusnya faktor kandungan mata pelajaran yang merangkumi kesesuaian kandungan pelajaran untuk disampaikan secara dalam talian, sesuai dengan tahap pelajar dan diolah dalam bentuk yang menarik dan senang difahami secara keseluruhannya mencatat nilai min pada tahap sederhana tinggi 3.984 dan sisihan piawai 0.708 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Item ketiga “Kandungan pelajaran diolah dalam bentuk yang menarik dan senang untuk difahami” mencatat nilai min pada tahap yang tinggi 4.06 dan sisihan piawai 0.747 manakala item pertama “Kandungan pelajaran yang sesuai untuk disampaikan melalui pembelajaran secara dalam talian” mencatat nilai min pada tahap sederhana tinggi 3.91 dan sisihan piawai 0.765. Begitu juga dengan item kedua “Kandungan pelajaran sesuai dengan tahap pelajar” juga mencatat nilai min pada tahap sederhana tinggi 3.98 dan sisihan piawai 0.780. Hal ini menunjukkan faktor kandungan mata pelajaran dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya adalah pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 6: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Kandungan Matapelajaran (N=65)

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Kandungan pelajaran yang sesuai untuk disampaikan melalui pembelajaran secara dalam talian	3.91	0.765
2	Kandungan pelajaran sesuai dengan tahap pelajar	3.98	0.780
3	Kandungan pelajaran diolah dalam bentuk yang menarik dan senang untuk difahami	4.06	0.747
<b>Min Keseluruhan</b>		3.98	0.70816



## PERBINCANGAN

Daripada hasil analisis kajian, didapati min keseluruhan bagi faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar adalah 4.30 merupakan min tertinggi berbanding faktor-faktor yang lain. Hal ini menunjukkan faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merupakan faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merangkumi capaian Internet yang stabil, kemudahan kelengkapan alat peranti, suasana yang kondusif, kesesuaian gaya pengajaran guru, kepelbagaian kaedah dan teknik dalam menyampaikan isi pelajaran, kemahiran guru melaksanakan aktiviti yang melibatkan semua murid, kesedaran pelajar untuk belajar dan meneroka ilmu secara sendiri. Dapatan ini selari dengan kenyataan bahawa bagi memastikan pembelajaran dalam talian yang berkesan memerlukan disiplin murid yang tinggi yang mana murid perlu menghadiri kelas maya yang dilaksanakan oleh guru secara konsisten serta memberi komitmen sepenuhnya, capaian internet yang baik, persekitaran yang kondusif serta kepelbagaian kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru untuk menarik minat pelajar (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Dzulkifli Abdul Razak juga berpandangan sama bahawa perkara paling utama untuk memastikan pengajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan adalah semua pelajar mendapat akses pembelajaran yang adil iaitu memiliki alat peranti dan capaian yang baik. Kenyataannya disokong oleh Wan Marzuki Wan Jaafar bahawa capaian Internet yang berkelajuan tinggi perlu ditingkatkan, alat peranti yang digunakan mestilah bersesuaian, guru mestilah menguasai kemahiran menggunakan teknologi dan kreatif serta inovatif dalam mengendalikan kelas secara maya bagi menarik minat pelajar (Shanika Abdullatib, 2020). Begitu juga dengan tinjauan oleh Azizi Ahmad (2020) bahawa ketersediaan peranti untuk setiap pelajar dan kecekapan guru dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya adalah penting bagi memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan.

Faktor sokongan sosial mencatatkan keseluruhan skor min 4.28. Faktor sokongan sosial merangkumi sokongan daripada ibubapa, guru dan pentadbir sekolah. Dapatan ini menunjukkan sokongan daripada ibubapa, guru dan pentadbir sekolah bagi memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang berkesan adalah positif. Dapatan kajian ini selaras dengan Azizi Ahmad (2020) bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan besar dalam proses pembelajaran anak-anak. Keberanian, dedikasi yang tinggi dan kesungguhan dari pendidik, guru dan pemimpin pendidikan berbanding orang lain dalam perkhidmatan awam di seluruh negara diperlukan bagi menghasilkan pembelajaran secara maya yang berkesan. Kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan secara atas talian ini memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak. Semua pihak haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi norma baharu iaitu kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan secara atas talian secara menyeluruh demi kelangsungan proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkesan (Nor Fauziana Mohd Salleh, 2020).

Seterusnya faktor sokongan pentadbiran yang merangkumi sokongan daripada pihak kementerian pendidikan Malaysia dalam menyediakan platform yang sesuai untuk pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan, mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berkaitan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dari masa ke semasa dan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap maklum balas yang diberikan oleh guru pula mencatat skor min 4.19. Faktor ini juga penting dan turut mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Anuar Ahmad berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia perlu meneliti kaedah terbaik dalam menghadapi kekangan yang timbul dalam pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya (Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali, 2020). Menurut Mahizer Hamzah & Mohd Azli Yeop (2016), peranan pentadbir dan galakan daripada pihak KPM adalah amat dituntut dalam usaha merealisasikan proses transformasi daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara maya. Impak positif yang diharap dari pelaksanaan proses tersebut amat bergantung kepada kolaborasi jitu dari semua pihak. Azizi Ahmad (2020) dan Nor Fauziana Mohd Salleh (2020) turut berpandangan bahawa sokongan daripada pemimpin pendidikan diperlukan untuk pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan.

Faktor Kandungan Mata pelajaran yang mencatat skor min 3.98 turut memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya yang berkesan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Juhazren Junaidi & Jailani (2010) bahawa isi kandungan mata pelajaran merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Menurut Mazlina Abdul Majid (2020), bahan untuk pembelajaran dan pemudahcaraan perlu diolah dengan memasukkan suara, video atau simulasi bagi menjelaskan sesuatu pernyataan, menyusun teks dengan kemas, ringkas, jelas, dan tidak terlalu padat dalam satu halaman/slaid bagi memastikan pelajar tidak hilang fokus dan boleh memahami dengan cepat ketika pembacaan sendiri yang mana bahan pengajaran yang interaktif boleh dihasilkan dengan bantuan teknologi seperti *Focusky*, *iClone*, *Video Explainers*, *Wave* dan *Lively*.

## KESIMPULAN

Pendekatan pembelajaran secara maya penting sebagai satu kaedah dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan. Pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya dapat memberi banyak manfaat terutamanya bila mana pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan atas faktor-faktor tertentu serta menjadi sasaran Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang meletakkan

pembelajaran dalam talian dalam sistem pendidikan negara setanding dengan negara maju. Dapatan kajian mendapati faktor sokongan teknikal, gaya pengajaran guru dan kesediaan pelajar merupakan faktor utama bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya diikuti oleh faktor-faktor lain iaitu faktor sokongan sosial, faktor sokongan pentadbiran dan juga faktor kandungan mata pelajaran. Hal ini menunjukkan semua pihak terlibat dalam memastikan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan dan setanding dengan negara maju.

Cadangan kepada kajian akan datang supaya dapat memberi tumpuan kepada peningkatan dari segi kaedah kajian, pemboleh ubah tambahan dan responden dalam skop yang lebih luas supaya dapat menghasilkan kesimpulan kajian yang lebih baik. Kajian ini hanya menggunakan guru sebagai responden sahaja, maka cadangan untuk kajian akan datang supaya turut melibatkan pelajar agar maklumat dan pandangan lebih menyeluruh dapat diterima untuk penambahbaikan bagi menghasilkan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya yang berkesan.

## REFERENCES

- Ahmad Naim Tahir & Ihsan Noorzali. (2020, April 19). Sedia Hadapi Kelas Maya Sesuai Normal Baharu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Izzat Akram Ibrahim. (2020). *Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Banyak Kelemahan*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). [http://www.myaidconference.com/uploads/6/2/6/7/62670651/170.\\_rencana\\_izzat\\_-\\_umum\\_pengajaran\\_dan\\_pembelajaran\\_secara\\_maya\\_banyak\\_kelemahan.pdf](http://www.myaidconference.com/uploads/6/2/6/7/62670651/170._rencana_izzat_-_umum_pengajaran_dan_pembelajaran_secara_maya_banyak_kelemahan.pdf)
- Microsoft Malaysia. (2020, June 15). *Kementerian Pendidikan Lancar Pelantar Pendidikan Digital Baharu dengan Kerjasama Google, Microsoft dan Apple*. <https://news.microsoft.com/en-my/2020/06/15/kementerian-pendidikan-lancar-pelantar-pendidikan-digital-baharu-dengan-kerjasama-google-microsoft-dan-apple/%0A%0A>
- Muhaamad Hafis Nawawi. (2020). Belajar Dalam Talian Kurang Berkesan Berbanding Bersemuka. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/595525/belajar-dalam-talian-kurang-berkesan-berbanding-bersemuka-metrotv>
- Opie Mohamad. (2015). *Jenis-jenis Instrumen Dalam Pengumpulan Data*. <https://www.slideshare.net/jojomimi/jenis-jenis-instrumen-dalam-pengumpulan-data>
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Bussiness: A Skill-Building Approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sunil Kumar. (2015, July 10). *5 Common Problems Faced By Students In eLearning And How To Overcome Them*. Elearning Industry. <https://elearningindustry.com/5-common-problems-faced-by-students-in-elearning-overcome>